

**Company Name** : Empire Premium Food Berhad  
**Date** : 25 March 2026  
**Source** : Berita Harian

## Pengedali Empire Sushi Sasar Rm152.6 Juta Hasil IPO Di Pasaran Utama



Lim (tengah) pada majlis pelancaran prospektus IPO Premium Food di Kuala Lumpur, hari ini - NSTP/ROHANIS SHUKRI

KUALA LUMPUR: Empire Premium Food Bhd (Empire Premium), syarikat induk kepada Empire Sushi Sdn Bhd, menasaskan kutipan dana sebanyak RM152.6 juta menerusi tawaran awam permulaan (IPO) bersempena penyenaaraiannya di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Bhd pada 17 April 2026.

Kumpulan yang mengendalikan jenama Empire Sushi itu melancarkan prospektusnya hari ini, sekali gus menandakan langkah penting dalam usaha mempercepatkan pertumbuhan dan mengukuhkan kedudukan sebagai rangkaian sushi terbesar di Malaysia dari segi hasil dan jumlah cawangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Empire Premium, Nicole Lim, berkata IPO berkenaan membabitkan tawaran sehingga 363 juta saham biasa, merangkumi terbitan awam

sebanyak 218 juta saham baharu serta tawaran jualan sehingga 145 juta saham sedia ada, mewakili kira-kira 33 peratus daripada jumlah saham terbitan diperbesarkan.

Beliau berkata, daripada hasil yang diperoleh, sebanyak 51.8 peratus akan digunakan untuk membuka 56 cawangan baharu dalam tempoh tiga tahun akan datang, meliputi konsep 'grab and go' serta restoran makan segera.

Selain itu, katanya 8.3 peratus diperuntukkan bagi menaik taraf cawangan sedia ada manakala 34.1 peratus lagi untuk modal kerja dan baki 5.8 peratus bagi kos berkaitan IPO.

"Berdasarkan harga IPO pada 70 sen sesaham, Empire Premium dijangka mencapai permodalan pasaran sekitar RM770 juta selepas disenaraikan.

"Kumpulan turut menetapkan dasar dividen dengan sasaran agihan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keuntungan selepas cukai kepada pemegang saham," katanya selepas majlis pelancaran prospektus Empire Premium di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Lim berkata, pelancaran prospektus itu mencerminkan kesediaan syarikat untuk melangkah ke fasa pertumbuhan seterusnya sebagai syarikat tersenarai awam.

"Ini adalah fasa baharu bagi kami. Kami akan terus memperkenalkan menu sushi berkualiti tinggi yang enak dan mampu milik, selaras dengan misi kami untuk menjadikan sushi sebagai hidangan harian," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bank Bhd, Michael Oh-Lau, berkata pihaknya yakin kumpulan itu berada pada kedudukan kukuh untuk mengembangkan perniagaan, didorong oleh permintaan pengguna terhadap makanan berkualiti pada harga berpatutan.

Permohonan bagi tawaran runcit IPO itu dibuka hari ini dan akan ditutup pada jam 5 petang, 31 Mac 2026.